

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ  
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً

وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يُفَكِّرُونَ ﴿١١﴾

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Perkahwinan merupakan satu Sunnah yang sangat digalakkan dalam Islam. Melalui perkahwinanlah akan terbina sebuah ummah yang tersusun salasilah kekeluargaan dan sistem sesebuah masyarakat. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Nisa' ayat 1:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَأْتِيهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا

وَنَسَاءً وَأَتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Yang bermaksud: *Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Benarlah cinta itu buta, cinta tidak mengenal usia, cinta tanpa mengira warganegara. Demi cinta seorang gadis sanggup tinggalkan keluarga. Demi cinta, sanggup bersekedudukan tanpa ikatan yang sah mengikut syarak. Paparan berita berkaitan dengan suami yang dihantar pulang ke negara asal kerana tiada dokumen rasmi untuk menetap di negara ini, perkahwinan tanpa surat atau sijil pernikahan, semua ini adalah antara realiti yang berlaku di negara kita. Akhirnya yang menjadi mangsa adalah si wanita dan anak-anak yang ditinggalkan.

Perkahwinan rakyat di negeri ini dengan warganegara asing, terutamanya tanpa mendapat kebenaran perkahwinan yang sah, memberi kesan yang besar kepada institusi kekeluargaan di negeri ini. Sama ada dari hukum syarak mahu pun dari sudut perundangan. Perkahwinan warganegara asing dengan rakyat di negeri ini yang tidak mengikuti proses perundangan adalah suatu kesalahan. Antara kesan yang paling besar ialah pengesahan perkahwinan tersebut mengikut hukum syarak. Setiap perkahwinan yang akan dilangsungkan mesti terlebih dahulu mengenal pasti status pasangan yang hendak berkahwin sama ada bujang atau telah beristeri, duda, janda atau anak dara. Begitu juga mematuhi rukun nikah iaitu lelaki, perempuan, wali nikah, saksi dan lafaz ijab qabul beserta lain-lain dokumen perkahwinan hendaklah mengikut prosedur Undang-Undang Keluarga Islam negeri Pahang.

Antara perkara penting dalam perkahwinan ialah penentuan wali yang sah. Sebagaimana Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam amat menitikberatkan soal perkahwinan sebagaimana sabda baginda Sallallahu alaihi wasallam:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ فَإِنْ أَصَابَهَا فَلَهَا مَهْرُهَا بِمَا أَصَابَ  
مِنْ فَرْجِهَا وَإِنْ اشْتَجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ

*Yang bermaksud: Mana-mana perempuan yang telah berkahwin tanpa izin walinya maka perkahwinan tersebut adalah terbatal. Jika perempuan itu telah bersama maka dia berhak mendapat mahar daripada persetubuhan itu, dan jika berlaku pertelingkahan atau keengganan dari sudut perwalian maka sultan itu adalah wali kepada yang tidak mempunyai wali.*

Sidang jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Perlulah kita semua mengambil perhatian, bahawa sesuatu perkahwinan yang dilakukan tanpa dokumen dan maklumat seperti yang disebutkan tadi, menyebabkan beberapa isu akan timbul sama ada dari sudut hukum syarak mahupun perundangan negara, antaranya:

Pertama : Perkahwinan yang berlaku tidak memenuhi kehendak syarak.

Kedua : Perkahwinan tersebut tidak dapat didaftarkan kerana tiadanya dokumen yang boleh dikemukakan.

Ketiga : Kesukaran berurusan dengan mana-mana agensi atau jabatan khususnya jika si isteri telah mengandung dan ingin mendapatkan rawatan.

Keempat: Taraf kewarganegaraan anak yang lahir, status nasab dan maklumat bapa akan melalui kesukaran kerana tidak dapat mengemukakan dokumen, surat atau sijil perkahwinan

Kelima: Semua urusan akan dibuat oleh pihak isteri kerana kebimbangan suami

ditahan oleh pihak berkuasa.

Marilah kita bersama-sama mengambil perhatian dan iktibar agar institusi kekeluargaan umat Islam di negeri ini akan dapat dipertahankan. Ikutilah prosedur dan panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama agar tiada timbulnya isu-isu yang disebut tadi.

Ingatlah mana-mana individu yang telah berkahwin dengan warga asing yang tiada dokumen atau dengan dokumen tetapi tanpa mendapatkan kebenaran dari pihak berkuasa agama adalah merupakan satu perkara bertentangan dengan Undang-Undang. Perkahwinan tersebut tidak dapat didaftarkan yang mengakibatkan tidak boleh mendaftarkan kelahiran anak dan menyebabkan timbul masalah pendaftaran masuk sekolah anak. Perkahwinan itu juga menyebabkan kesukaran membuat tuntutan pusaka apabila sesuatu kematian berlaku kerana gagal mengemukakan dokumen perkahwinan, sehingga untuk menunaikan ibadah haji atau umrah menjadi sulit kerana tidak mampu mendapatkan visa mahram.

Marilah kita bersama-sama menjaga keluarga masing-masing supaya mereka tidak terlibat dengan perkahwinan yang melibatkan warga asing yang datang tanpa izin. Semoga keluarga kita selamat daripada bebanan masalah yang tidak diingini berlaku.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah An-Nur ayat 32

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ

وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *Dan kahwinkanlah orang bujang (lelaki dan perempuan) daripada kalangan kamu dan orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan*

perempuan. jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha mengetahui.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ , إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ قَوْلِي هَذَا ,

وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ , وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ , وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ , فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ .